

25/09/1997

Tiada kekurangan makanan: Megat

KUALA LUMPUR, Rabu - Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob hari ini menafikan khabar angin mengenai kekurangan bekalan makanan di Sarawak ekoran perisytiharan darurat jerebu di negeri itu Jumaat lalu.

"Tidak ada kekurangan bekalan makanan di Sarawak dan setakat ini kita belum menerima apa-apa laporan mengenai perkara itu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pos Kabinet kementeriannya di sini.

Katanya sekiranya keadaan itu (kekurangan bekalan makanan) berlaku bekalan yang cukup akan dihantar kepada mereka yang memerlukannya di negeri itu.

Beliau juga berkata semua kilang makanan telah diberitahu supaya meneruskan pengeluaran bagi memastikan bekalan yang cukup kepada pengguna.

Mengenai makanan dalam tin Megat Junid berkata pihaknya juga meminta ejen menghantar bekalan yang cukup, sama ada dengan kapal atau pesawat.

Megat Junid juga memberitahu Kabinet bersetuju menubuhkan sebuah jawatankuasa peringkat tinggi bagi mengawal harga barang berikutan dengan kejatuhan nilai ringgit baru-baru ini.

Jawatankuasa itu membabitkan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pertanian, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perusahaan Utama dan kementeriannya sendiri.

Katanya jawatankuasa akan mengadakan mesyuarat pertamanya pada Jumaat ini dan hasil perbincangan akan dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 7 Oktober depan. - Bernama

(END)